

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN LIM HUI YING**

**TARIKH : 04 DISEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 29**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status permohonan Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk melantik warden trafik lalulintas.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Berkenaan permohonan Majlis Bandaraya Pulau Pinang bagi melantik warden lalu lintas, pihak Kementerian Pengangkutan merancang untuk membentangkan RUU Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2018 di Parlimen pada sesi mesyuarat kali ini. Di antara kandungan pindaan tersebut adalah bagi membolehkan Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandar Raya untuk melantik warden lalu lintas.
2. Bagi membolehkan seseorang warden lalu lintas menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987, warden lalu lintas itu hendaklah terlebih dahulu dilantik oleh Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya. Pada masa ini, seksyen 3 APJ 1987 hanya memberi kuasa pelantikan warden lalu lintas kepada Dato Bandar Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Pengerusi Majlis Perbandaran sahaja. Sehubungan dengan itu, cadangan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2018 adalah merangkumi pindaan terhadap seksyen 3 APJ berkaitan dengan memberi kuasa kepada semua Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya termasuklah Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk melantik sekian bilangan orang dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya itu sebagaimana yang difikirkan sesuai bagi maksud Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk menjadi warden lalu lintas.

Sekian, terima kasih.